

TARIKH : 21 FEBRUARI 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

# Pertanian pintar, aeroangkasa suntik dinamisme baharu bina ekonomi

**Kuala Lumpur:** Bidang pertanian pintar, aeroangkasa dan ekonomi digital berperanan besar dalam menyuntik dinamisme baharu ke arah membina ekonomi berpendapatan tinggi.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sektor berkenaan turut mampu mencipta peluang pekerjaan yang lebih luas dan menyediakan taraf hidup yang lebih baik bagi setiap rakyat seterusnya mendepani cabaran era Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).

"Seramai 21 pakar industri daripada bidang pertanian pintar, aeroangkasa dan ekonomi

digital mengutarakan input untuk diberi perhatian segera oleh pihak kerajaan dalam usaha meneroka dan menggembungkan potensi ekonomi yang besar dalam ketiga-tiga bidang ini," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohamed Azmin turut menegaskan sesi libat urus dengan pakar industri yang menjadi penggerak utama dalam sektor masing-masing adalah amat penting.

Beliau semalam memperkenalkan sesi libat urus bersama pakar industri berkenaan bagi membincangkan dengan mendalam keperluan dan ke-

utamaan yang perlu diberi perhatian dalam penggubalan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang sedang rancak dijalankan.

Katanya, usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan pandangan semua pihak diambil kira dan perincian menyeluruh dilaksana dalam menentukan hala tuju pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

RMKe-12 yang dijangka dibentangkan pada Ogos ini di Dewan Rakyat adalah fasa pertama bagi pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Penyediaan RMKe-12 akan berdasarkan kepada tiga objektif WKB 2030 iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Sesi libat urus semalam turut dihadiri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Radzi Jidin; Penggerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen, pegawai kanan kementerian dan pasukan penggubal RMKe-12.

BERNAMA